



**KERAJAAN MALAYSIA**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI**

**NO. 1 TAHUN 2014**

**GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN  
SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN  
MALAYSIA:**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA  
INTEGRITI DAN TADBIR URUS**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

**3 JUN 2014**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI  
NO. 1 TAHUN 2014**

**GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN  
SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN  
MALAYSIA:**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA INTEGRITI DAN  
TADBIR URUS (JITU)**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

## KANDUNGAN

1.	Pengenalan	1
2.	Objektif	2
3.	Terma Rujukan	3
4.	Struktur dan Mekanisme	5
5.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK)	7
6.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan	9
7.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Pasukan Khas Perunding Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (PKP JITU)	12
8.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kementerian	14
9.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kementerian	16
10.	Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kementerian	18
11.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Negeri	19
12.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Negeri	21
13.	Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Negeri	23

14.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Residen Bahagian (Bagi negeri Sarawak sahaja)	24
15.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Daerah	25
16.	Penjajaran Peranan Jawatankuasa-Jawatankuasa dalam Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan	27
17.	Laporan Maklum Balas	29
18.	Mekanisme Pelaksanaan	29
19.	Pelaksanaan Arahan	30
20.	Penutup	32
	<b>Lampiran A</b>	
	Struktur Aliran Pelaksanaan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) dan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	33
	<b>Lampiran B</b>	
	Format Laporan Maklum Balas Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	34

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan diperkenalkan pada tahun 1988 dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan (JKKMPK). Gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus diperkukuh dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada tahun 1997 untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi.
  
- 1.2 Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan berlandaskan gagasan **“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”** terus dilaksanakan. Iltizam ini telah diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif seperti Pelan Integriti Nasional (PIN), penyampaian perkhidmatan berkonsepkan Merakyatkan Perkhidmatan Awam, Etos Perkhidmatan Awam serta Cepat, Tepat, Integriti – Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (CTI-PCI) serta usaha pembanterasan rasuah sebagai salah satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP).
  
- 1.3 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2014 telah bersetuju supaya usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Penubuhan JITU dikeluarkan melalui Arahan YAB Perdana

Menteri No. 1 Tahun 2014 menggantikan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009.

## 2. OBJEKTIF

2.1 Objektif pementapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan ialah:

- i. Mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika;
- ii. Merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan Kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh agama serta perundangan dan peraturan; dan
- iii. Mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa berimpak tinggi yang merentasi agensi secara proaktif melalui mekanisme musyawarah, permuafakatan dan tindakan segera untuk rakyat.

### **3. TERMA RUJUKAN**

Enam terma rujukan pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah seperti berikut:

#### **3.1 Dasar dan Perundangan**

Mengenal pasti, mengkaji dan memperaku pindaan dan/atau cadangan penambahbaikan kepada mana-mana dasar, perundangan dan peraturan-peraturan kementerian, jabatan dan agensi dengan maksud mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap ruang perlakuan rasuah serta mengatasi kelemahan pengurusan, kerehah birokrasi, penyelewengan, salah guna kuasa dan kelemahan sistem penyampaian perkhidmatan.

#### **3.2 Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan**

Memperudahkan, memperkemas serta merekayasa sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan bagi mengatasi langkah-langkah yang tidak cekap, proses dan prosedur kerja yang bertindih dan berulang supaya menepati konsep nilai untuk wang dan seterusnya menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah.

#### **3.3 Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan**

Mengesan sebarang bentuk pelanggaran undang-undang oleh warga kerja yang berkaitan dengan peraturan, sistem dan prosedur kerja atau kod etika kerja dan seterusnya mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan dengan segera terhadap pihak yang terlibat berdasarkan peruntukan undang-undang atau peraturan sedia ada. Tindakan punitif dan pencegahan boleh juga di mana wajar termasuk memberikan kerjasama atau melaporkan

kepada agensi penguatkuasaan berkenaan mengenai sebarang bentuk kesalahan atau salah laku jenayah oleh warga kerja serta mengambil tindakan susulan berdasarkan saranan agensi penguatkuasaan tersebut.

### **3.4 Pembudayaan Nilai-nilai Murni dan Kod Etika**

Melaksanakan kegiatan penggalakan, penerapan dan penghayatan serta pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika untuk membangunkan anggota perkhidmatan awam yang mempunyai daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti. Pembudayaan dan penerapan nilai-nilai murni dan kod etika perlu disepadukan dalam pelaksanaan dasar, perundangan, peraturan serta sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan untuk mengekang warga kerja daripada melakukan sebarang bentuk perlakuan negatif. Penghargaan dan pengiktirafan bagi warga kerja yang menzahirkan perlakuan nilai-nilai murni boleh dipertimbangkan sebagai salah satu inisiatif untuk membudayakan pengamalan nilai-nilai murni dan kod etika.

### **3.5 Pengurusan Pelanggan**

Menyampaikan maklumat dan inisiatif-inisiatif secara telus berkaitan dengan dasar, keputusan, tindakan dan menyebarkan pencapaian dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan kepada rakyat melalui pelbagai forum dan medium komunikasi. Tindakan ini merupakan sebahagian dari usaha untuk mempromosikan peranan dan tanggungjawab Kerajaan serta mendidik masyarakat mengenai tanggungjawab bersama.



### **3.6 Membina Permuafakatan dengan Pihak Berkepentingan**

Menjalin rangkaian kerjasama yang padu dan secara profesional dengan pihak berkepentingan dalam usaha untuk menentukan, merangka, mencadang serta melaksanakan penambahbaikan dasar, program dan kegiatan di bawah skop tadbir urus dan integriti. Libat urus dengan pihak berkepentingan secara permuafakatan membolehkan agensi awam memperoleh perspektif yang luas dan membawa kepada cadangan penyelesaian yang lebih tepat ke arah memperbaiki kualiti dan keberkesanan pembangunan dan pelaksanaan sesuatu dasar, program, kegiatan dan pembuatan keputusan selain memastikan penyediaan dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan membawa kepada pembentukan situasi menang-menang antara Kerajaan dengan pihak berkepentingan untuk rakyat.

## **4. STRUKTUR DAN MEKANISME**

4.1 Pelaksanaan gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan di peringkat Kebangsaan melibatkan penubuhan dua jawatankuasa utama dan satu pasukan perunding iaitu:

- i. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK);
- ii. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan; dan
- iii. Pasukan Khas Perunding JITU (PKP JITU).

4.2 Di peringkat Kementerian, pelaksanaan gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan menetapkan bahawa Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian menubuhkan dua jawatankuasa iaitu:

- i. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kementerian; dan
- ii. Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Kementerian.

4.3 Ketua Setiausaha Kementerian boleh menimbang untuk menubuhkan JITU di peringkat Jabatan/Agensi di bawah Kementerian. Walau bagaimanapun, JITU di peringkat Jabatan/Agensi di bawah Kementerian masih perlu melapor kepada Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Kementerian.

4.4 Di peringkat Negeri, pelaksanaan gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan menetapkan bahawa Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah menubuhkan tiga jawatankuasa iaitu:

- i. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Negeri;
- ii. Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri; dan
- iii. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Residen Bahagian/Daerah.

4.5 Struktur aliran pelaksanaan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.

## **5. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI KEUTuhan PENGURUSAN KERAJAAN (JKKMKPK)**

### **5.1 Keanggotaan JKKMKPK**

- Pengerusi** : YAB Perdana Menteri
- Ahli-ahli** : i. Menteri-menteri yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri  
ii. Pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri
- Setiausaha** : Pengarah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti
- Urus Setia Bersama** : i. Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti  
ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## **5.2 Peranan dan Tanggungjawab JKKMKPK**

- i. Menentukan dasar berhubung dengan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
- ii. Merancang, memantau dan menilai kecekapan pelaksanaan dan keberkesanan dasar, peraturan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang mempunyai impak kepada pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
- iii. Menimbang dan meluluskan pelaksanaan kajian mengenai tadbir urus dan integriti sistem keutuhan pengurusan pentadbiran Kerajaan; dan
- iv. Menimbang cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli JKKMKPK, JITU Peringkat Kebangsaan dan Pasukan Khas Perunding Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (PKP JITU), bagi memantapkan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan.

## **5.3 Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia Bersama JKKMKPK**

- i. Menyemak, menyelaraskan dan membentangkan maklum balas Mesyuarat JKKMKPK;
- ii. Menyelaraskan penyediaan dan menyemak kertas pembentangan/kertas kajian bagi tujuan pembentangan dalam Mesyuarat JKKMKPK;

- iii. Mengemukakan cadangan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan daripada JITU Peringkat Kebangsaan untuk pertimbangan dan kelulusan; dan
- iv. Mengemukakan melalui YB Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti, untuk pertimbangan Jemaah Menteri, sekiranya terdapat isu-isu semasa yang memerlukan perhatian dan tindakan segera dan/atau Mesyuarat JKKMKPK tidak dapat bersidang dalam tempoh masa yang ditetapkan.

#### **5.4 Kekerapan Mesyuarat JKKMKPK**

Mesyuarat perlu diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan Pengerusi Mesyuarat JKKMKPK.

### **6. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT KEBANGSAAN**

#### **6.1 Keanggotaan JITU Peringkat Kebangsaan**

- Pengerusi** : YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti
- Ahli-ahli** :
- i. Ketua Setiausaha Negara
  - ii. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (ahli ganti: Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam)

- iii. Peguam Negara  
(ahli ganti: Peguam Cara Negara)
- iv. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan)
- v. Ketua Audit Negara  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Audit Negara)
- vi. Ketua Pengarah  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Pengarah)
- vii. Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Pengarah)
- viii. Ketua Pengarah  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan  
Pengurusan Malaysia  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Pengarah)
- ix. Ketua Pengarah  
Unit Kerjasama Awam Swasta  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Pengarah)
- x. Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Pesuruhjaya)
- xi. Ketua Setiausaha Kementerian  
(ahli ganti: Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian)
- xii. Setiausaha Kerajaan Negeri  
(ahli ganti: Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri)
- xiii. Pasukan Khas Perunding JITU
- xiv. Ketua-Ketua Unit Integriti Kementerian
- xv. Ketua-Ketua Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

xvi. Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu

- Urus Setia Bersama** :
- i. Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti
  - ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## **6.2 Peranan dan Tanggungjawab JITU Peringkat Kebangsaan**

- i. Mengenal pasti, menganalisis dan merancang tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu-isu integriti dan tadbir urus di bawah enam terma rujukan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
- ii. Mengenal pasti isu-isu berdasarkan laporan audit dan laporan penarafan seperti antara lain, Laporan Ketua Audit Negara, Indeks Akauntabiliti dan Pengurusan Kewangan serta Sistem Pengurusan Audit Nilai; dan
- iii. Memantau pelaksanaan dan keberkesanan cadangan-cadangan penyelesaian kepada isu serta inisiatif-inisiatif yang diputuskan oleh JKKMKPK dan JITU Peringkat Kebangsaan, JITU Peringkat Kementerian dan Negeri.

## **6.3 Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia Bersama JITU Peringkat Kebangsaan**

- i. Menyemak, menyelaraskan dan membentangkan laporan maklum balas Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan;
- ii. Menyemak dan menyelaraskan kertas pembentangan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan; dan

- iii. Melaporkan cadangan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan daripada Pasukan Khas Perunding JITU (PKP JITU).

#### **6.4 Kekerapan Mesyuarat dan Pelaporan**

Mesyuarat perlu diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun iaitu pada bulan Januari, Mei dan September**. Laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat JKMMKPK.

Namun, sekiranya tempoh masa yang panjang diambil untuk menunggu Mesyuarat JKMMKPK bersidang, maka YB Menteri atas persetujuan ahli-ahli Mesyuarat JITU Kebangsaan boleh membawa isu yang memerlukan tindakan segera terus kepada Jemaah Menteri.

### **7. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PASUKAN KHAS PERUNDING JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (PKP JITU)**

#### **7.1 Keanggotaan PKP JITU**

**Penyelaras** : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

- Ahli-ahli** :
- i. Jabatan Perkhidmatan Awam
  - ii. Kementerian Kewangan
  - iii. Jabatan Perdana Menteri
  - iv. Unit Penyelarasan Pelaksanaan



- v. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
- vi. Biro Pengaduan Awam
- vii. Institut Integriti Malaysia

## **7.2 Peranan dan Tanggungjawab PKP JITU**

- i. Melaksanakan kajian mengenai isu-isu berimpak tinggi yang merentasi agensi berdasarkan keputusan dan arahan JITU Peringkat Kebangsaan dan JKKMKPK; dan
- ii. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JITU Peringkat Kebangsaan.

PKP JITU atas nasihat YB Menteri boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional atau pakar dari dalam dan luar negara, di mana sesuai dan/atau melibatkan agensi-agensi yang berkaitan dalam Pasukan Kajian PKP JITU bagi tujuan untuk memantapkan pelaksanaan kajian.

## **7.3 Peranan dan Tanggungjawab Penyelaras PKP JITU**

- i. Mengenal pasti isu-isu berkaitan tadbir urus dan integriti daripada Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan dan JKKMKPK;
- ii. Menyelaraskan Mesyuarat PKP JITU; dan
- iii. Menyelaraskan pelaksanaan kajian oleh PKP JITU.

**8. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB  
JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)  
PERINGKAT KEMENTERIAN**

**8.1 Keanggotaan JITU Peringkat Kementerian:**

- Pengerusi** : YB Menteri
- Pengerusi Ganti** : YB Timbalan Menteri
- Ahli-ahli** :
- i. YB Timbalan Menteri
  - ii. Ketua Setiausaha Kementerian
  - iii. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
  - iv. Ketua-ketua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian
  - v. Penasihat Undang-undang
  - vi. Setiausaha-Setiausaha Bahagian
  - vii. Ketua Unit Komunikasi Korporat
  - viii. Ketua Unit Audit Dalam
  - ix. Pegawai Psikologi
  - x. Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu
- Urus Setia** : Unit Integriti Kementerian

## 8.2 Peranan dan Tanggungjawab JITU Peringkat Kementerian

- i. Menentukan dasar dan program berhubung dengan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran peringkat Kementerian;
- ii. Mengenal pasti, menganalisis dan merancang tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu-isu integriti dan tadbir urus peringkat Kementerian berdasarkan enam terma rujukan, laporan-laporan audit, laporan-laporan penarafan dan mesyuarat-mesyuarat peringkat Kementerian mengenai tadbir urus;
- iii. Memantau pelaksanaan dan keberkesanan cadangan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kementerian yang diterima daripada JKKMKPK, JITU Peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Kerja JITU Peringkat Kementerian; dan
- iv. Menimbang pelaporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.

## 8.3 Kekerapan Mesyuarat dan Pelaporan

Mesyuarat perlu diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan urus setia dan laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.

**9. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB  
JAWATANKUASA KERJA KEPADA JAWATANKUASA INTEGRITI  
DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT KEMENTERIAN**

**9.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat  
Kementerian:**

<b>Pengerusi</b>	:	Ketua Setiausaha Kementerian
<b>Pengerusi Ganti</b>	:	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
<b>Ahli-ahli</b>	:	i. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
		ii. Ketua-ketua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian
		iii. Setiausaha-Setiausaha Bahagian
		iv. Penasihat Undang-undang Kementerian
		v. Ketua Unit Komunikasi Korporat
		vi. Ketua Unit Audit Dalam
		vii. Pegawai Psikologi
		viii. Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu
<b>Urus Setia</b>	:	Unit Integriti Kementerian

## 9.2 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja JITU Peringkat Kementerian

- i. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan, antara lain, sumber-sumber yang berikut:
  - a. Enam terma rujukan pementapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
  - b. Laporan auditan antaranya termasuklah Laporan Ketua Audit Negara, Indeks Akauntabiliti dan Pengurusan Kewangan serta Sistem Pengurusan Audit Nilai; dan
  - c. Mesyuarat-mesyuarat peringkat Kementerian mengenai tadbir urus, antaranya termasuklah Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam (MPAA).
- ii. Mengambil tindakan susulan terhadap keputusan Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan dan Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian.

## 9.3 Kekerapan Mesyuarat dan Pelaporan

Mesyuarat perlu diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan urus setia dan laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian.

**10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB URUS SETIA JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT KEMENTERIAN DAN JAWATANKUASA KERJA KEPADA JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT KEMENTERIAN**

10.1 Peranan dan tanggungjawab Urus Setia JITU Peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Kementerian adalah untuk:

- i. Memastikan Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Kementerian dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- ii. Menyelaraskan dan melaksanakan kegiatan pemantauan terhadap keputusan Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Kementerian; dan
- iii. Menyediakan laporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian untuk dikemukakan kepada Urus Setia Bersama Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.

**11. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT NEGERI**

**11.1 Keanggotaan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Negeri:**

**Pengerusi** : YAB Menteri Besar/Ketua Menteri

**Pengerusi Ganti** : Setiausaha Kerajaan Negeri

**Ahli-ahli** :

- i. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
- iii. Pegawai Kewangan Negeri
- iv. Residen (bagi negeri Sarawak)
- v. Pengarah SPRM Negeri
- vi. Pengarah Biro Pengaduan Awam (jika ada)
- vii. Pegawai Audit Negeri
- viii. Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia** : Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**11.2 Peranan dan Tanggungjawab JITU Peringkat Negeri**

- i. Menentukan dasar dan program berhubung dengan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran peringkat Negeri;
- ii. Mengenal pasti, menganalisis dan merancang tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu-isu

integriti dan tadbir urus peringkat Negeri berdasarkan enam terma rujukan, laporan auditan, laporan penarafan dan mesyuarat-mesyuarat peringkat Negeri mengenai tadbir urus;

- iii. Memantau pelaksanaan dan keberkesanan cadangan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran peringkat Negeri yang diterima daripada JKMMKPK, JITU Peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Kerja JITU Peringkat Negeri; dan
- iv. Menimbang pelaporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.

### **11.3 Kekerapan Mesyuarat dan Pelaporan**

Mesyuarat perlu diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan urus setia dan laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.



## **12. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KERJA KEPADA JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT NEGERI**

### **12.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kerja Kepada JITU Peringkat Negeri:**

Pengerusi	:	Setiausaha Kerajaan Negeri
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
Ahli-ahli	:	<ol style="list-style-type: none"><li>i. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri</li><li>ii. Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Negeri</li><li>iii. Pengarah SPRM Negeri</li><li>iv. Pegawai Kewangan Negeri</li><li>v. Penasihat Undang-undang</li><li>vi. Pegawai Audit Negeri</li><li>vii. Pegawai Perhubungan Awam/ Pegawai Perhubungan Pelanggan</li><li>viii. Pegawai Psikologi</li><li>ix. Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu</li></ol>
Urus Setia	:	Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

## 12.2 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Kepada JITU Peringkat Negeri

- i. Menenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan, antara lain, sumber-sumber yang berikut:
  - a. Enam terma rujukan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
  - b. Laporan auditan antaranya termasuklah Laporan Ketua Audit Negara, Indeks Akauntabiliti dan Pengurusan Kewangan serta Sistem Pengurusan Audit Nilai; dan
  - c. Mesyuarat-mesyuarat peringkat Kementerian mengenai tadbir urus, antaranya termasuklah Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam (MPAA); dan
- ii. Mengambil tindakan susulan terhadap keputusan Mesyuarat JITU Peringkat Negeri.

## 12.3 Kekerapan Mesyuarat dan Pelaporan

Mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya **tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan urus setia dan laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat JITU Peringkat Negeri.

**13. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB URUS SETIA JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT NEGERI DAN JAWATANKUASA KERJA KEPADA JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT NEGERI**

**13.1 Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia JITU Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Kerja Kepada JITU Peringkat Negeri:**

- i. Memastikan Mesyuarat JITU Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- ii. Menyelaraskan dan melaksanakan kegiatan pemantauan terhadap keputusan Mesyuarat JITU Peringkat Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri; dan
- iii. Menyediakan laporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat JITU Peringkat Negeri untuk dikemukakan kepada Urus Setia Bersama Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.

**14. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB  
JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)  
PERINGKAT RESIDEN BAHAGIAN (Bagi negeri Sarawak sahaja)**

**14.1 Keanggotaan JITU Peringkat Residen Bahagian:**

- Pengerusi** : Residen
- Ahli-ahli** : i. Pegawai-Pegawai Daerah di bawah Residen Bahagian berkenaan
- ii. Ketua-ketua Jabatan/Agensi negeri di Residen Bahagian
- iii. Ketua-ketua Bahagian/Unit di Pejabat Residen Bahagian
- Urus Setia** : Unit Integriti di Pejabat Residen Bahagian atau pegawai yang diarah menjalankan tugas-tugas JITU

**14.2 Peranan dan Tanggungjawab JITU Peringkat Residen Bahagian**

- i. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan terma-terma rujukan JITU, sumber-sumber seperti laporan auditan, laporan penarafan dan mesyuarat-mesyuarat peringkat Residen Bahagian mengenai tadbir urus;
- ii. Mengambil tindakan susulan terhadap keputusan Mesyuarat JITU Peringkat Negeri untuk dilaksanakan di peringkat Residen Bahagian; dan

- iii. Menimbang pelaporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Negeri.

### 14.3 Ke kerap an Mesyuarat dan Pelaporan

Mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya **tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan urus setia dan laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat JITU Peringkat Negeri.

## 15. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) PERINGKAT DAERAH

### 15.1 Keanggotaan JITU Peringkat Daerah

<b>Pengerusi</b>	:	Pegawai Daerah
<b>Ahli-ahli</b>	:	i. Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan di peringkat daerah
		ii. Ketua-Ketua Jabatan/Agensi peringkat Negeri di daerah
		iii. Ketua-Ketua Bahagian/Unit di Pejabat Daerah
<b>Urus Setia</b>	:	Unit Integriti di Pejabat Daerah atau pegawai yang diarah menjalankan tugas-tugas JITU

## 15.2 Peranan dan Tanggungjawab JITU Peringkat Daerah

- i. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan terma-terma rujukan JITU, sumber-sumber seperti laporan auditan dan mesyuarat-mesyuarat peringkat daerah mengenai tadbir urus;
- ii. Mengambil tindakan susulan terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri untuk dilaksanakan di peringkat daerah;
- iii. Memantau inisiatif dan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dikenal pasti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri; dan
- iv. Menimbang pelaporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri.

## 15.3 Kekerapan Mesyuarat dan Pelaporan


Mesyuarat perlu diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun** berdasarkan ketetapan urus setia dan laporan maklum balas perlu dikemukakan **sekurang-kurangnya dua minggu** sebelum tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Negeri.

## **16. PENJAJARAN PERANAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DALAM PEMANTAPAN KEUTUHAN SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN**

- 16.1 Pelaksanaan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan menetapkan bahawa semua jawatankuasa sama ada di peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Negeri mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan laporan maklum balas setiap jawatankuasa perlu dikemukakan sekurang-kurang dua minggu sebelum mesyuarat.
- 16.2 Urus Setia JITU Peringkat Kementerian/Jabatan/Negeri/Residen Bahagian/Daerah adalah Unit Integriti agensi berkenaan. Bagi Kementerian/Jabatan/Negeri/Residen Bahagian/Daerah yang tidak mempunyai Ketua Unit Integriti, maka pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai tadbir urus dan integriti akan menjalankan fungsi berkenaan.
- 16.3 Ketua Unit Audit Dalam hendaklah bekerjasama rapat dengan JITU Peringkat Kementerian dan Negeri melalui perkongsian Laporan Audit Dalam supaya tindakan pembetulan dan pencegahan dapat dilaksanakan secara bersepadu. Melalui kerjasama ini, setiap isu yang berbangkit dapat diselesaikan lebih awal di setiap peringkat seterusnya dapat mengelakkan teguran oleh juruaudit luar.
- 16.4 Ketua Unit Audit Dalam dan Ketua Unit Integriti setelah mendapat kebenaran Ketua Jabatan boleh mendapat akses kepada maklumat yang berkaitan dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi berkenaan di peringkat Persekutuan/Negeri/Daerah.

16.5 Kerjasama ini tidak menghalang Ketua Unit Audit Dalam dari melaporkan terus kepada Ketua Audit Negara dan pada masa yang sama turut melaporkan secara langsung kepada Ketua Setiausaha Kementerian dan/atau YB Menteri mengenai sesuatu isu berbangkit.

16.6 Secara umumnya, hubung kait antara peranan JKKMKPK dan JITU Peringkat Kebangsaan dengan JITU Peringkat Kementerian dan JITU Peringkat Negeri adalah seperti di **Rajah 1**.



Rajah 1: Hubung Kait Peranan JKKMKPK, JITU Peringkat Kebangsaan dan JITU Peringkat Kementerian/Negeri



## 17. LAPORAN MAKLUM BALAS

- 17.1 Kandungan laporan maklum balas kegiatan JITU hendaklah meliputi perkara yang dinyatakan dalam format laporan seperti dalam **Lampiran B**.
- 17.2 Semua Urus Setia JITU Peringkat Kementerian dan Negeri perlu membuat analisis terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh JITU Jabatan/Agensi Persekutuan/Negeri/Residen Bahagian/Daerah sebelum laporan maklum balas dikemukakan kepada Urus Setia JITU Peringkat Kebangsaan ke alamat:

**Urus Setia Bersama Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU),  
Pejabat Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA.**

## 18. MEKANISME PELAKSANAAN

### 18.1 Pekeliling Penubuhan dan Pemakaian Mekanisme

Bagi menentukan pemakaian dan pelaksanaan arahan ini bersesuaian dengan keadaan serta keperluan di peringkat Kementerian dan Negeri masing-masing, **maka Pengerusi JITU iaitu YB Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, YAB Menteri Besar/Ketua Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Residen Bahagian atau Pegawai Daerah hendaklah mengedarkan Arahan** ini kepada agensi di bawah kuasa dan kawalan masing-masing. Bagi

menentukan gerakan ini meliputi juga pentadbiran Kerajaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, maka Pengerusi JITU Peringkat Negeri perlulah memanjangkan pemakaian dan pelaksanaan arahan ini kepada Pihak Berkuasa berkenaan.

## 19. PELAKSANAAN ARAHAN

19.1 Bermula dari tarikh penguatkuasaan Arahan ini, kesemua tindakan yang sebelum ini dilaksanakan melalui **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009** - Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus adalah terbatal.

19.2 Siri Arahan yang masih berkuat kuasa adalah seperti yang berikut:

- i. **Siri 2 No. 1 Tahun 2000 bertarikh 20 April 2000**  
Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan dan Program Nilai Murni.
- ii. **Siri 3 No. 2 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000**  
Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.

- iii. **Siri 4 No. 3 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000**  
Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.
  
- iv. **Siri 5 No. 4 Tahun 2000 bertarikh 15 Disember 2000**  
Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Siri 35 Bil. 3 Tahun 2000 yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.
  
- v. **Siri 6 No. 1 Tahun 2001 bertarikh 10 Ogos 2001**  
Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Suku Tahun Keempat 2000 dan Suku Tahun Pertama 2001 yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.
  
- vi. **Siri 7 No. 1 Tahun 2007 bertarikh 6 Februari 2007**  
Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam di Agensi Kerajaan.
  
- vii. **Siri 1 No. 1 Tahun 2011 bertarikh 28 Februari 2011**  
Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah.

## 20. PENUTUP


Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) menunjukkan komitmen Kerajaan untuk terus memantapkan keutuhan sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia. Tindakan-tindakan yang dihuraikan dalam Arahan ini perlu dilaksanakan dengan komited dan berterusan bagi mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika melalui pelaksanaan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan serta mekanisme musyawarah dan permuafakatan dengan semua pihak untuk kepentingan rakyat. Melalui iltizam ini, gagasan “**1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**” akan dapat dicapai bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi.

  
(Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak)  
Perdana Menteri Malaysia

3 Jun 2014  
Pejabat Perdana Menteri  
Putrajaya

## LAMPIRAN A

### Struktur Aliran Pelaksanaan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) dan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)



**LAMPIRAN B**

**FORMAT LAPORAN MAKLUM BALAS JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)**

**BILANGAN:**

**TAHUN:**

<b>KEMENTERIAN/AGENSI</b>				
<b>ISU/ MASALAH YANG DIKENALPASTI</b>				
<b>PROGRAM</b>				
<b>TERMA RUJUKAN</b>	1. Dasar dan Perundangan 2. Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan 3. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan 4. Pembudayaan Nilai-nilai Murni dan Kod Etika 5. Pengurusan Pelanggan 6. Membina Permuafakatan dengan Pihak Berkepentingan			
<b>OBJEKTIF</b>	<b>INDIKATOR PENCAPAIAN</b>			
	<b>OUTPUT</b>		<b>OUTCOME</b>	
	<b>SASARAN</b>	<b>SEBENAR</b>	<b>SASARAN</b>	<b>SEBENAR</b>

**Terma Rujukan Pelaporan Maklum Balas JITU**

<b>PROGRAM/PROJEK</b>	Program/projek merujuk kepada sekelompok projek sama ada fizikal atau bukan fizikal yang dilaksanakan di bawah satu tajuk yang sama.
<b>OUTPUT</b>	Output ialah produk atau keluaran yang dihasilkan daripada input sesuatu program/projek untuk mencapai matlamat program/projek. Kuantiti dan kualiti output mempengaruhi <i>outcome</i> yang akan dinikmati oleh golongan sasaran.
<b>OUTCOME</b>	<i>Outcome</i> merupakan kesan/keberhasilan jangka pendek atau sederhana yang diperolehi daripada output. Ia merupakan perubahan positif yang seharusnya dicapai melalui program/projek terhadap golongan sasaran dalam tempoh masa tertentu yang ditetapkan.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2014  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel: 03-92366888 Fax: 03-92224773

